

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-607 BIL.1/2025**  
**24 JANUARI 2025**

---

**1) PEMAKLUMAN JADUAL KUTIPAN SAMPAH PUKAL DAN  
KUTIPAN TAMBAHAN SAMPAH DOMESTIK SEMPENA  
PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2025**

Bersempena dengan sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2025 yang bakal disambut pada 29 Januari 2025 (Rabu). Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membuat penambahan dan pindaan kepada jadual kutipan sampah pukal dan domestik seperti kebiasaan yang diamalkan setiap tahun. Perincian berkenaan pindaan dan tambahan jadual adalah seperti berikut :

**a) Sampah Pukal bagi Taman Perumahan**

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah pukal di taman-taman perumahan di seluruh Seberang Perai iaitu daripada **sekali seminggu** kepada **tiga (3) kali seminggu** seperti berikut:

- Pusingan Pertama iaitu pada 20 hingga 22 Januari 2025;
- Pusingan Kedua iaitu pada 23 hingga 25 Januari 2025; dan
- Pusingan Ketiga iaitu pada 26 hingga 28 Januari 2025

**b) Sampah Pukal bagi Tong Komunal / Tong Roro Pasar Awam / Pusat Pengumpulan Sampah Pangsapuri / Apartment / Kondominium / Strata**

Penambahan kekerapan bagi kesemua lokasi di atas adalah daripada **seminggu sekali** kepada **sehari sekali dan dua (2) kali sehari** seperti berikut :

- Kutipan akan dibuat sebanyak sehari sekali pada 20 hingga 24 Januari 2025; manakala
- Kutipan akan dibuat sebanyak sehari dua (2) kali pada 25 hingga 28 Januari 2025

**c) Sampah domestik bagi Tong Komunal dan Tong Roro di Pasar Awam**

Penambahan kekerapan kutipan daripada **sehari sekali** kepada **dua (2) kali sehari** bagi tong-tong komunal dan tong RORO di Pasar Awam pada 28 Januari 2025.

Perubahan jadual kutipan ini adalah selaras dengan dasar Majlis untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai terutamanya pada musim perayaan. MBSP menyeru semua pihak di Seberang Perai supaya dapat mengurangkan penjanaan sisa sampah, tidak membazirkan makanan dan mengamalkan kitar semula semasa menyambut perayaan Tahun Baru Cina 2025.

## **2) SOAL SELIDIK BAJET MBSP 2026**

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa MBSP telah menyediakan Soal Selidik Bajet 2026 untuk mendapatkan idea, pandangan dan cadangan daripada “*stakeholders*” di Seberang Perai berhubung dengan perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh MBSP. MBSP amat berbesar hati dan ingin melibatkan warga Seberang Perai dalam merangka Bajet 2026 bagi memastikan perkhidmatan MBSP memenuhi keperluan warga Seberang Perai.

Soal Selidik ini akan dimuat naik ke dalam laman web MBSP iaitu [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) mulai 1 Februari hingga 28 Februari 2025. MBSP amat menghargai masa dan kerjasama warga Seberang Perai dalam memberikan pandangan dan mengisi soal selidik ini.

Input bajet yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam penyediaan Bajet 2026.

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian **04-5497462** @ [afiqazizi@mbsp.gov.my](mailto:afiqazizi@mbsp.gov.my) (En. Muhamad Afiq Azizi), **04-5497841** @ [rahida@mbsp.gov.my](mailto:rahida@mbsp.gov.my) (Pn. Rahida) atau **04-5497890** (Unit Bajet).

### **3) PELAKSANAAN PROGRAM PEMUTIHAN BINAAN TANPA KEBENARAN (BTK) RUMAH KEDIAMAN DI SEBERANG PERAI**

MBSP akan mula menjalankan Program Pemutihan Binaan Tanpa Kebenaran (BTK) Rumah Kediaman di Seberang Perai bermula bulan Februari 2025. Pelaksanaan Fasa 1 akan melibatkan taman-taman perumahan berusia lima (5) tahun ke bawah melibatkan ketiga-tiga daerah iaitu SPU, SPT & SPS.

Penduduk Seberang Perai adalah dialu-alukan untuk menyertai program ini kerana kadar diskaun yang dikenakan kepada peserta program pemutihan BTK rumah kediaman ini adalah sehingga 70% (diskaun).

MBSP akan meluluskan Binaan Tanpa Kebenaran kepada semua kediaman yang menyertai program ini dengan kemudahan berikut :

- i. Kadar diskaun fee 70%
- ii. Tidak perlu melantik juruperunding / arkitek
- iii. Binaan Tambahan sedia ada diluluskan bagi dalam lot / sempadan kediaman pemilik sahaja (kelulusan untuk tambahan tingkat tidak dibenarkan).

Proses mendapatkan kelulusan akan dipermudahkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Pemohon juga tidak akan dikenakan bayaran cagaran bagi setiap permohonan.

Pemohon juga akan mendapat nilai tambah (*value added*) daripada penyertaan program pemutihan BTK rumah kediaman ini dengan peningkatan nilai harta tanah mereka setelah kelulusan diperolehi daripada MBSP.

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan penyertaan program pemutihan BTK Rumah kediaman ini boleh menghubungi :

**Jabatan Pematuhan Teknikal dan Dasar**  
**Tingkat 5**  
**Menara Bandaraya, MBSP**  
**Jalan Perda Utama, Bandar Perda**  
**14000 Bukit Mertajam**  
**No telefon : 04-5497865 / samb. 386**

#### **4) SESI *OUTREACH* PEMULIHARAAN WARISAN SURAU LAMA, KUBANG SEMANG**

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan satu (1) Sesi *Outreach* Pemuliharaan Warisan Surau Lama Kubang Semang pada 22 Februari 2025 (Sabtu) di Surau Lama Kubang Semang, Penanti, Seberang Perai Tengah.

Sesi *outreach* ini dilaksanakan sebagai platform pendidikan dan kesedaran kepada komuniti tentang nilai sejarah, senibina dan kepentingan bangunan warisan sebagai khazanah budaya yang perlu dipelihara. Program ini juga bertujuan berkongsi maklumat mengenai kaedah pemuliharaan yang mengikut enakmen / garis panduan / akta warisan, di samping menggalakkan penglibatan komuniti setempat untuk turut serta. Komuniti adalah dijemput hadir kerana pelbagai pengisian program disediakan.

Antara pengisian program adalah Sesi Pembelajaran Khaligrafi Jawi, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Demonstrasi Juadah Tradisional dan Aktiviti Permainan Tradisional.

## 5) SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada masyarakat berbangsa Cina di Seberang Perai, Pulau Pinang dan sekitarnya. Sambutan Tahun Baru Cina bagi tahun ini akan disambut pada 29 Januari 2025 (Rabu), di mana 29 dan 30 Januari 2025 adalah merupakan hari kelepasan am bagi negeri Pulau Pinang. Sambutan bagi tahun ini merupakan tahun ular. Semoga setiap daripada kita dapat menyambut Tahun Ular dengan semangat positif dan hati yang terbuka, serta memulakan lembaran baru yang penuh dengan peluang dan kejayaan.

Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan am ini diingatkan kepada seluruh penduduk Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya, jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

Selamat Tahun Baru Cina! Gong Xi Fa Cai ! Xīn Nián Kuài Lè !

Sekian, terima kasih.